

Penerapan Kaedah Fonetik Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid

Norlieza Ahmad

norlieza_ahmad@schools.gov.sg

Fadial Jamaludin

fadial_b_jamaludin@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Lianhua

Abstrak

Kemahiran membaca dalam kalangan murid merupakan satu aspek yang harus diberikan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, murid-murid sukar untuk menyebut bunyi-bunyi huruf berdasarkan suku kata pada tahap awal persekolahan. Hal ini menjejaskan keupayaan murid untuk membaca. Untuk mengatasi masalah ini, Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Lianhua telah menjalankan program yang memberikan tumpuan pada penggunaan kaedah fonetik dalam pengajaran bacaan. Dapatan kajian menunjukkan kaedah fonetik ini mampu meningkatkan kemahiran murid dalam membunyikan huruf konsonan dan vokal dan berupaya membantu murid membaca. Secara keseluruhan, guru berpendapat penggunaan kaedah fonetik dalam pengajaran membaca mampu melibatkan murid dalam banyak aktiviti di dalam dan luar kelas serta membangkitkan keyakinan diri murid.

Kata Kunci: fonetik, konsonan, vokal, suku kata



PENGENALAN

Guru memainkan peranan yang besar dalam membina kemahiran membaca dalam kalangan murid pada peringkat awal persekolahan agar murid dapat menyebut dan membaca dengan sebutan baku yang betul dan lancar. Berdasarkan pemantauan guru, murid-murid sukar untuk menyebut bunyi-bunyi huruf konsonan dan vokal berdasarkan suku kata perkataan pada awal persekolahan.

Pelaksanaan bacaan asas berasaskan kaedah fonetik dalam pengajaran bacaan amat penting bagi membantu guru menjalankan pengajaran secara berstruktur, baik dan berkesan. Guru juga perlu memastikan bahan-bahan pengajaran sesuai dengan profil murid supaya dapat menarik minat murid dalam proses pembelajaran (STP, 2018). Justeru, murid-murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Selain menambah ilmu pengetahuan, kemahiran membaca juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid.

Sejajar dengan inisiatif Kementerian Pendidikan untuk membina kemahiran abad ke-21, membaca merupakan salah satu daripada enam kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap murid dalam proses pembelajaran. Justeru, guru-guru telah mengaplikasikan kaedah fonetik yang diketengahkan oleh Clinningham, P. M. (1991). Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Lianhua telah menjalankan program yang memberikan tumpuan pada penggunaan kaedah fonetik dalam pengajaran bacaan. Kaedah ini telah dipilih kerana didapati berkesan bagi membantu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian murid dalam pembelajaran harian dan juga peperiksaan menjadi keprihatinan utama setiap guru. Secara umum murid yang di bawah aras kebolehan membaca sering kurang bermotivasi. Berdasarkan keputusan Ujian Holistik 2017 murid Darjah 1 yang dijalankan untuk SA1 dan SA2, golongan murid yang tidak boleh membaca menghadapi cabaran dalam memahami dan mengikuti pelajaran di bilik darjah. Secara rambang, mereka hanya dapat menguasai komponen lisan dan menghadapi masalah utama bagi kemahiran membaca dan menulis.

Hal ini pastinya disebabkan oleh keterbatasan mereka membaca dan juga memahami kandungan teks pelajaran dan ujian. Natiujahnya golongan ini tidak dapat langsung menjawab kertas ujian atau latihan yang diberikan.



Ungkapan ‘Membaca Kunci Kejayaan’ membawa pengertian yang mendalam dalam perkara ini. Membaca menjadi kunci pemerolehan ilmu untuk murid-murid. Dalam ‘Amalan Pengajaran Singapura’(STP) juga, penentuan pengajaran setiap guru adalah untuk memahami keperluan setiap murid sebelum melakarkan sesuatu pelajaran.

Golongan murid seperti ini perlu diberi bimbingan dan bantuan untuk mengatasi kekurangan ini. Satu pelan bertindak yang merupakan satu program menyeluruh dilakarkan bermatlamat untuk mengatasi masalah ini. Kemahiran ini penting untuk murid-murid menikmati pembelajaran dan memotivasikan diri mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mengajar murid kemahiran membaca secara berkesan melalui kaedah fonetik;
2. meningkatkan kemahiran murid memahami perkataan dan ayat yang dibaca; dan
3. merangsang keupayaan membaca, berinteraksi dan memahami kandungan teks.

KAJIAN LEPAS

Kemahiran membaca merupakan satu perkara yang penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid di peringkat awal pendidikan Ia adalah satu kemahiran asas yang bertujuan merangsang kebolehan murid membaca, berinteraksi dan memahami perkataan-perkataan yang dibaca. Perkara ini dapat dilihat dalam pernyataan Yahya et.al. (Yahya, Roselan dan Naffi, 2009) bahawa belajar membaca merupakan asas penting dalam penguasaan kognitif dan persekitaran sosial manusia

Kemahiran asas membaca dalam kalangan murid bergantung pada kaedah pengajaran yang berkesan. Kaedah fonetik atau Kaedah Gabung Bunyi Kata didapati amat sesuai dengan kemampuan dan minat murid dan memberi impak terhadap proses pembelajaran murid. Menurut Yahya Othman et. al. (2009) apabila murid sudah boleh menguasai bunyi huruf, mereka akan boleh membaca. Kesan positif penggunaan kaedah fonetik ini boleh dilihat dalam masa yang cepat jika dibandingkan dengan penggunaan suku kata.



Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugas Yang Bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Penilaian yang berbentuk senarai semak, digunakan pada setiap sesi pengajaran untuk menilai tahap keupayaan dan perkembangan murid. Jika seseorang murid tu gagal untuk dalam ujian menyebut bunyi huruf dengan betul, dia tidak dapat mara ke peringkat suku kata seterusnya.
Penerangan dan Justifikakasi	Murid yang melalui proses pemulihan ini harus menjalani pascaujian. Untuk ujian ini, item-item yang terdapat dalam ujian diagnostik diajukan lagi. Murid yang berjaya akan 'dibebaskan' daripada program pemulihan ini.	

Subjek Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada murid Darjah 1 dan Darjah 2 yang berada di bawah aras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah dua belas orang.

Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid membaca menggunakan kaedah fonetik. Enam orang pembimbing yang merupakan ibu bapa murid dalam kumpulan sokongan ibu bapa sekolah telah dilatih dalam mengaplikasikan kaedah fonetik yang telah dirancang dan dikongsi. Murid telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang berlainan tahap. Setiap kumpulan mempunyai dua hingga tiga orang murid dan seorang pembimbing.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Ujian diagnostik diadakan untuk menyaring murid dan mengenal pasti tahap kebolehan membaca mereka. Bagi murid yang gagal, mereka akan mengikuti program pemulihan.
2. Senarai semak dalam bentuk Kad Kriteria Kejayaan yang dihasilkan untuk merakamkan kemajuan seseorang murid bagi setiap tahap semasa mereka mengikuti program pemulihan. Murid dinilai dari segi keupayaan mengenal abjad, menyebut abjad, huruf vokal, huruf konsonan, suku kata, ayat dan teks.
3. Pascaujian diadakan untuk mengukur tahap kemajuan murid dari segi bacaan.



Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama tiga penggal selepas waktu kurikulum Bahasa Melayu. Satu jam diperuntukkan bagi program ini pada setiap minggu. Pembahagian murid dalam setiap kumpulan dilakukan secara rawak. Setiap kumpulan mempunyai dua hingga tiga orang murid dan dibantu oleh seorang pembimbing. Semua pembimbing telah mengikuti bengkel fonetik yang diselenggarakan oleh guru yang mentadbirkan program ini.

Berikut merupakan langkah-langkah pengajaran yang dilaksanakan:

Tahap Penyaringan

Tahap Penyaringan dijalankan pada penggal 1. Murid Darjah 1 menjalani ujian diagnostik. Mereka dikehendaki mengecam huruf-huruf tertentu. Kemudian menyebut huruf-huruf vokal, konsonan, suku kata (K+V) dan ayat-ayat pendek dan teks. Jika gagal, murid yang dikenal pasti oleh guru akan melalui program pemulihan tahap 1.

Pemulihan Tahap 1

Murid melalui pemulihan tahap 1 yang berlangsung pada penggal 2. Murid berlatih membunyikan suku kata dengan bimbingan pembimbing yang telah dilatih. Di bawah ini adalah susunan suku kata yang dipelajari di tahap 1:

- (K+V)
- (V+K+V)
- (V+V+K)
- (V+K+V+K)
- (K+V+K+V)

Jangka masa yang diambil oleh seseorang murid untuk melengkapkan tahap pemulihan 1 berbeza. Ia bergantung pada tahap pemerolehan dan kecekapan seseorang murid itu. Penilaian yang berbentuk senarai semak dilakukan pada setiap sesi pengajaran untuk menilai tahap keupayaan murid. Jika seseorang murid tu gagal untuk menyebut bunyi huruf dengan betul, dia tidak dapat mara ke peringkat suku kata seterusnya.



Pemulihan Tahap 2

Seseorang murid itu akan mara ke pemulihan tahap 2 setelah berjaya pada tahap 1. Pada tahap ini, murid harus membaca ayat-ayat tunggal yang pendek dan teks pendek. Sebutan dan bacaan murid dipantau dan dinilai.

Tahap Pascaujian

Murid yang melalui proses pemulihan ini harus menjalani tahap pascaujian. Untuk ujian ini, item-item yang terdapat dalam ujian diagnostik diajukan lagi. Murid yang berjaya akan dibebaskan daripada program pemulihan ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru dan para pembimbing semasa pengajaran dijalankan, murid-murid telah menunjukkan keyakinan dan kebolehan mandiri dalam membaca bahan-bahan 'Bacalah Anakku' dari tahap satu hingga lapan yang menekankan sistem sebutan fonetik dan latihan membaca secara latih tubi dalam set bacaan 'Saya Boleh Baca'. Kedua-dua set bahan bacaan ini dapat mengukuhkan kemahiran membaca murid.

Dalam suasana yang tidak tertekan dan bimbingan yang lebih berstruktur, murid-murid dapat memupuk dan membina keupayaan mereka dengan selesa. Nisbah guru atau pembimbing dengan murid yang berbentuk 1:1 atau 1:2 membolehkan pemantauan yang khusus. Respons murid dapat diteliti dan diperbetul dengan segera.



Jadual 1: Bahagian 1- Set Diagnostik Prabimbingan

Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Sifar	Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Satu	Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Dua																																				
<p>a. Menyebut huruf. Membaca huruf dari kiri</p> <table border="1" data-bbox="114 319 378 491"> <tr><td>A</td><td>B</td><td>C</td><td>D</td><td>E</td><td>F</td><td>G</td></tr> <tr><td>H</td><td>I</td><td>J</td><td>K</td><td>L</td><td>M</td><td>N</td></tr> <tr><td>O</td><td>P</td><td>Q</td><td>R</td><td>S</td><td>T</td><td>U</td></tr> <tr><td>V</td><td>W</td><td>X</td><td>Y</td><td>Z</td><td></td><td></td></tr> </table> <p>ke kanan.</p>	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z			<p>a. Membaca suku kata KV</p>	<table border="1" data-bbox="655 263 991 395"> <tr><td>a pi</td><td>a bu</td><td>i ni</td><td>i tu</td></tr> <tr><td>u bi</td><td>u li</td><td>e ra</td><td>e ja</td></tr> </table> <p>a. Membaca Gabungan Suku kata (V+KV)</p>	a pi	a bu	i ni	i tu	u bi	u li	e ra	e ja
A	B	C	D	E	F	G																																
H	I	J	K	L	M	N																																
O	P	Q	R	S	T	U																																
V	W	X	Y	Z																																		
a pi	a bu	i ni	i tu																																			
u bi	u li	e ra	e ja																																			
<p>b. Huruf Vokal Menamakan huruf vokal.</p>	<p>b. Menulis suku kata yang disebut oleh guru</p>	<p>b. Mengeja dan mengimlak: Menulis suku kata perkataan mudah yang disebut oleh guru.</p> <table border="1" data-bbox="655 630 819 762"> <tr><td>ba</td><td>di</td><td>po</td></tr> <tr><td>ne</td><td>ma</td><td>si</td></tr> <tr><td>ju</td><td>za</td><td></td></tr> </table> <div data-bbox="714 805 957 880" style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 20px;"> <p>(acu, aku, ibu, eka)</p> </div>	ba	di	po	ne	ma	si	ju	za																												
ba	di	po																																				
ne	ma	si																																				
ju	za																																					
<p>c. Membunyikan huruf vokal:</p> <table border="1" data-bbox="114 973 327 1141"> <tr><td>a</td><td>i</td><td>u</td></tr> <tr><td>e</td><td>e</td><td>o</td></tr> </table> <p>a i u e e</p>	a	i	u	e	e	o		<table border="1" data-bbox="655 949 927 1133"> <tr><td>ku ku</td><td>gi gi</td></tr> <tr><td>ko ko</td><td>su su</td></tr> <tr><td>da da</td><td>ti ti</td></tr> <tr><td>cu cu</td><td>yo yo</td></tr> </table> <p>c. Membaca gabungan suku kata KV+KV</p>	ku ku	gi gi	ko ko	su su	da da	ti ti	cu cu	yo yo																						
a	i	u																																				
e	e	o																																				
ku ku	gi gi																																					
ko ko	su su																																					
da da	ti ti																																					
cu cu	yo yo																																					

Jadual 2: Bahagian 2-Set Ujian Pemantauan 1

Peningkatan Kemahiran Murid dalam Kumpulan Tahap Sifar	Peningkatan Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Satu	Peningkatan Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Dua																																	
<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>ba pa</td> <td>ci li</td> <td>bu ku</td> <td>ba ju</td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> <tr> <td>si ku</td> <td>gu li</td> <td>ro ti</td> <td>me ja</td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> </table>	ba pa	ci li	bu ku	ba ju	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	si ku	gu li	ro ti	me ja	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>mata</td> <td>bola</td> <td>nasi</td> <td>milo</td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> <tr> <td>guru</td> <td>beca</td> <td>siku</td> <td>ceri</td> </tr> </table>	mata	bola	nasi	milo	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	guru	beca	siku	ceri	<p>Ayat pendek/ frasa.</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td>kaca mata</td> </tr> <tr> <td>/ 4</td> </tr> <tr> <td>nasi basi</td> </tr> <tr> <td>/ 4</td> </tr> <tr> <td>Kaki Sani luka.</td> </tr> </table>	kaca mata	/ 4	nasi basi	/ 4	Kaki Sani luka.
ba pa	ci li	bu ku	ba ju																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
si ku	gu li	ro ti	me ja																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
mata	bola	nasi	milo																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
guru	beca	siku	ceri																																
kaca mata																																			
/ 4																																			
nasi basi																																			
/ 4																																			
Kaki Sani luka.																																			
<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>ku ku</td> <td>gi gi</td> <td>da da</td> <td>ti ti</td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> <tr> <td>ko ko</td> <td>su su</td> <td>cu cu</td> <td>yo yo</td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> </table>	ku ku	gi gi	da da	ti ti	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	ko ko	su su	cu cu	yo yo	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> </tr> <tr> <td>sudi</td> <td>kera</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>/ 2</td> <td>/ 2</td> <td></td> <td></td> </tr> </table> <p>Perkataan (KVKV)</p>	/ 2	/ 2	/ 2	/ 2	sudi	kera			/ 2	/ 2			<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td>/6</td> </tr> <tr> <td>Beca ada tiga roda.</td> </tr> <tr> <td>/8</td> </tr> <tr> <td>Mama cuti pada hari Rabu.</td> </tr> <tr> <td>/10</td> </tr> </table>	/6	Beca ada tiga roda.	/8	Mama cuti pada hari Rabu.	/10
ku ku	gi gi	da da	ti ti																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
ko ko	su su	cu cu	yo yo																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
/ 2	/ 2	/ 2	/ 2																																
sudi	kera																																		
/ 2	/ 2																																		
/6																																			
Beca ada tiga roda.																																			
/8																																			
Mama cuti pada hari Rabu.																																			
/10																																			
<p>Gabungan suku kata (KV)</p>																																			




Jadual 3: Bahagian 3-Set Ujian Pemantauan 2

Peningkatan Kemahiran Murid dalam Kumpulan Tahap Sifar	Peningkatan Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Satu	Peningkatan Kemahiran Murid Kumpulan Tahap Dua																																																		
<p>Baca/eja perkataan dengan susunan (KVK + KV)</p> <table border="1" data-bbox="117 371 474 421"> <tr> <td>lampu</td> <td>jambu</td> <td>lembu</td> <td>garpu</td> </tr> </table> <table border="1" data-bbox="117 421 389 496"> <tr> <td>teksi</td> <td>mimpi</td> <td>bendi</td> </tr> <tr> <td>benda</td> <td>kanta</td> <td>lumba</td> </tr> </table> <p>(/ 10) baca(/ 10) eja</p> <table border="1" data-bbox="117 569 471 726"> <tr> <td>rumput</td> <td>rambut</td> <td>tanduk</td> <td>cincin</td> </tr> <tr> <td>jantan</td> <td>simpan</td> <td>bantal</td> </tr> <tr> <td>rentak</td> <td>pentas</td> <td>kertas</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>(/10)</td> </tr> </table> <p>Membaca perkataan dengan susunan(KVK +KVK)</p> <table border="1" data-bbox="106 805 465 1002"> <tr> <td>pisang</td> <td>helang</td> <td>payung</td> <td>jagung</td> </tr> <tr> <td>daging</td> <td>baring</td> <td>borong</td> </tr> <tr> <td>kurung</td> <td>tepung</td> <td>tebing</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>(/10)</td> </tr> </table> <p>Membaca perkataan dengan susunan (KV + KVKK)</p>	lampu	jambu	lembu	garpu	teksi	mimpi	bendi	benda	kanta	lumba	rumput	rambut	tanduk	cincin	jantan	simpan	bantal	rentak	pentas	kertas			(/10)	pisang	helang	payung	jagung	daging	baring	borong	kurung	tepung	tebing			(/10)	<table border="1" data-bbox="505 316 762 738"> <thead> <tr> <th>Hari ini hari</th> <th>Kesilapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ahad.</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Ibu masak kari ikan.</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Ayah suka kari ikan bawal.</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Adik suka ikan bakar.</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Saya suka ikan dimasak sup.</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Ibu pula suka nasi tomato.</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Membaca dan memahami.</p>	Hari ini hari	Kesilapan	Ahad.		Ibu masak kari ikan.		Ayah suka kari ikan bawal.		Adik suka ikan bakar.		Saya suka ikan dimasak sup.		Ibu pula suka nasi tomato.		<p>Menjawab soalan kefahaman.</p> <div data-bbox="804 352 1009 523" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>1. Hari ini hari apa? Hari ini hari _____</p> <p>2. Siapakah masak kari ikan? _____ masak kari ikan.</p> <p>3. Ayah suka makan apa? _____</p> </div> <p>Ayah suka makan _____</p> <p>4. Emak suka makan apa? Emak suka makan _____</p>
lampu	jambu	lembu	garpu																																																	
teksi	mimpi	bendi																																																		
benda	kanta	lumba																																																		
rumput	rambut	tanduk	cincin																																																	
jantan	simpan	bantal																																																		
rentak	pentas	kertas																																																		
		(/10)																																																		
pisang	helang	payung	jagung																																																	
daging	baring	borong																																																		
kurung	tepung	tebing																																																		
		(/10)																																																		
Hari ini hari	Kesilapan																																																			
Ahad.																																																				
Ibu masak kari ikan.																																																				
Ayah suka kari ikan bawal.																																																				
Adik suka ikan bakar.																																																				
Saya suka ikan dimasak sup.																																																				
Ibu pula suka nasi tomato.																																																				

Berdasarkan penilaian yang dijalankan, murid yang dinilai melalui latihan diagnostik prabimbingan dalam keupayaan tahap sifar, berupaya melangkah ke tahap satu dan dua selepas sesi keempat pembelajaran. Murid kumpulan tersebut juga dapat melengkapkan penilaian Set Ujian Pemantauan 1 dalam sesi penilaian yang sama. Demikian juga, murid dalam tahap satu dan dua, telah dapat melengkapkan Set Ujian Pemantauan 1 dan 2 di akhir sepuluh sesi kelas bimbingan. Jelaslah, objektif pemerolehan kemahiran membaca melalui kaedah fonetik telah dicapai.

Rajah 1: Peratusan Markah Pencapaian



KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan kaedah fonetik yang berstruktur dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Selain itu, penyusunan kandungan yang sesuai dengan profil dan kesediaan murid telah berjaya meningkatkan kemahiran membaca murid. Penilaian berterusan juga turut membantu murid ke arah kebolehan membaca. Natijahnya, guru mendapati murid yang terlibat dalam program ini menunjukkan kemajuan positif dan lebih bermotivasi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.



Ibu bapa murid yang terlibat dalam program ini juga memberikan respons positif tentang perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Mereka menyatakan bahawa dengan mengatasi kelemahan dalam kemahiran membaca, anak-anak mereka lebih cerdas dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan sekaligus mereka gembira dengan pencapaian anak-anak mereka walaupun lonjakan kecil yang mereka tunjukkan.

Guru kelas juga mendapati murid yang melalui program ini lebih menunjukkan minat dan turut serta dalam aktiviti dan kegiatan ketika kelas dijalankan. Murid-murid mempunyai keyakinan yang lebih tinggi dan mereka mula menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran.

Membaca merupakan kunci ilmu. Sememangnya ungkapan ini terbukti dalam proses yang dijalani setiap murid yang mengikuti program ini. Kelab Membaca akan diteruskan kerana keberkesanan dan juga keperluan projek ini dalam membantu murid di sekolah kami.

RUJUKAN

- Clinningham, P.M. (1991). *Phonics they use: Words for reading and writing*. Harper: Collin Publisher Inc,
- Heilman, A.W. (1993). *Phonics in proper perspective*. Boston: Macmillian Publishing Company.
- Isahak Haron, (1979), *Beberapa Kaedah Mengajar Murid-Murid Membaca Bahasa Malaysia Di Peringkat Awal*, Kertas Kerja di KONPEN IV, Kuantan 8-10. Disember Anjuran Persatuan Suluh Budiman. Kuantan.
- Khairudin Mohamad et al. (2015). *Pemulihan dan pengayaan pengajaran Bahasa Melayu*.
- Linnea C. Ehri et al. (2002). *Systematic phonics instruction helps students learn to read: Evidence from the National Reading Panel's Meta-Analysis*. New York: City University of New York Graduate Centre
- Muhammad Saiful Haq Bin Husin et al, 2012. *Pembelajaran Membaca Bahasa Melayu Dalam kalangan pelajar*. [http://ejournal.upi.edu /index.php/ BS_JPBSP/ article/view/3619](http://ejournal.upi.edu/index.php/BS_JPBSP/article/view/3619)



Pusat Bahasa Melayu Singapura (2016). *Saya boleh baca. Singapura*: Oxford Graphic Pte Ltd.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

STP Website: <https://opal.moe.edu.sg/stp/pedagogical-practices/lesson-prep-preparation/considering-learners-profiles-Lesson-Preparation-Considering-Learners-Profiles>.

Yahya Othman et al. (2009). *Pemeriksaan pendidikan Bahasa Melayu: Teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

_____ (2012), *Pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik peringkat prasekolah di Brunei Darussalam*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (1).

